

Sekular: PM mahu ulama berani jelaskan kekeliruan

UM 2 SEP 2001

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 1 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu guru agama dan ulama Islam berani menjelaskan kekeliruan yang disebarkan oleh pihak tertentu bahawa kononnya menuntut ilmu selain agama adalah sekular dan bukan ajaran Islam.

Tegas Perdana Menteri, mereka perlu menentang pendapat yang salah ini dengan menyebarkan ajaran Is-

lam sebenar mengenai keperluan menuntut semua ilmu.

● Sekitar Kongres Pendidikan Melayu — Muka 13

Menurutnya, dalam menguasai semua bidang ilmu termasuk sains, ilmu alam, matematik dan kejuruteraan, agama Islam bukan sahaja tidak menegah tetapi menuntut supaya ia dikejar oleh umatnya.

Bagaimanapun jika orang Islam lemah dalam bidang ini sekarang, malas dan ti-

dak bersemangat untuk mempelajari ilmu-ilmu ini, ia berpunca daripada orang tertentu yang berkepentingan.

Tegasnya, mereka ini ingin mengekal dan memperkuatkan pengaruh dengan sengaja menghalang pelajaran ilmu-ilmu yang tidak khusus tentang agama sambil mendakwa ia sekular dan mempelajarinya tidak memberi pahala.

“Jangan tafsir ilmu-ilmu ini (selain agama) sebagai sekular atau duniawi kerana

ia mempunyai kaitan yang rapat dengan akhirat juga.

“Sementara kita perlu memiliki pengetahuan agama supaya tidak mudah dipisahkan daripada agama, pengetahuan dalam bidang-bidang lain adalah wajib bagi kita untuk melindungi umat Islam daripada tekanan, penindasan dan penguasaan oleh ideologi yang bertentangan dengan agama Islam,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kongres

■ Lihat muka 4

✓ Sekular: PM mahu ulama berani jelaskan kekeliruan

Pendidikan Melayu pertama bertemakan Ke Arah Mengangkat Martabat Melayu anjuran bersama Kesatuan Guru-Guru Malaysia Barat (KGMMB) dan Kumpulan Melayu Prihatin di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Kongres dua hari yang dihadiri hampir 1,500 peserta itu bermatlamat menyediakan cadangan komprehensif dan langkah-langkah yang jelas untuk meningkatkan prestasi anak Melayu dalam pendidikan.

Hadir sama ialah pengerusi kongres kali pertama itu, Tengku Razaleigh Hamzah.

Menurut Perdana Menteri, ada pihak tertentu yang tidak senang melihat pelajar Melayu belajar ilmu-ilmu lain selain daripada agama.

Katanya, besar kemungkinan pihak ini ingin mempengaruhi para pelajar untuk kepentingan mereka dan jika orang Melayu mundur dan rosak terus, ini tidak mengapa asalkan kepentingan mereka tercapai.

“Pendapat bahawa hanya yang mempelajari agama sahaja yang mendapat pahala dan tempat di akhirat adalah salah. Mereka tidak pun dapat hidup jika tidak ada orang lain yang membuat kerja-kerja lain bagi menyara kehidupan mereka dan menyelamatkan mereka,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, orang Melayu walaupun pada awal kemerdekaan memujuk rakyat untuk menguasai semua ilmu, hari ini minat ke arah itu amat berkurangan.

“Walaupun kita lihat contoh bagaimana kemiskinan dan kedaifan di dunia bukan sahaja hampir kepada kekufuran tetapi menyebabkan ramai orang Islam menolak agama Islam, masih juga terdapat pandangan di kalangan orang Islam dan orang Melayu bahawa tidak ada pahala mempelajari ilmu lain selain agama,” katanya.

Tambah menyedihkan lagi, kata Perdana Menteri, ialah yang dituntut bukan pun agama Islam tetapi sedutan tertentu daripada separuh ayat al-Quran dan hadis pilihan.

Ia digunakan untuk memenuhi kepentingan politik pihak tertentu dengan tafsiran yang dibuat juga tidak tepat.

Katanya, pihak tertentu tidak suka pandangan seperti

ini disuarakan terutama orang yang didakwa tidak berpengetahuan agama dan tidak terpelajar dalam bidang agama.

“Yang penting bukan kebenaran dan ketepatan apa yang diperkatakan tetapi siapa yang memperkatakannya.

“Walaupun benar dan tepat, jika ia datang daripada orang yang didakwa oleh mereka tidak berpelajaran agama, maka ia ditolak bulat-bulat.

Tegasnya: “Jika orang tertentu yang cetek ilmu agamanya tetapi sebulu dengan pihak berkenaan, tafsiran yang bertentangan dan menafikan al-Quran dan hadis sahih, ditelan bulat-bulat”.